

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

'Tak perlu mohon maaf kepada Salleh'

PUTRAJAYA: Kerajaan tidak perlu memohon maaf kepada bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas yang dipecat ketika krisis krisis kehakiman 1988, tetapi akan melihat bagaimana kedudukan beliau dapat dipulihkan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tanpa mahu memperincikan perkara itu, Perdana Menteri berkata, soal kerajaan perlu meminta maaf kepada Salleh tidak timbul.

"Kita dah putuskan, ia tidak timbul. Kita kena ada satu cara yang dapat pulihkan kedudukan Tun Salleh Abbas. Saya tidak mahu memperincikannya, kita (Kabinet) belum memperincikan lagi, tetapi akan membincangkannya.

"Saya tidak lihat kenapa kita patut memohon maaf, tetapi biarlah kita putuskan selepas Kertas Kabinet dibentangkan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ke-

bangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di sini, semalam.

Beliau ditanya keputusan Kabinet berhubung cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim, supaya kerajaan memohon maaf kepada bekas Ketua Hakim Negara itu dan dua hakim lain yang dipecat ketika krisis kehakiman 1988.

Mengenai titah Pemangku Sultan Perak, Raja Dr Nazrin Shah Sultan Azlan Shah, bahawa suasana sekarang amat sesuai untuk melakukan perubahan dalam badan kehakiman, Perdana Menteri berkata, ia akan dilaksanakan pada masa ini.

"Kita dah masuk satu lembaran baru, iaitu usaha membuat perubahan pada badan kehakiman. Peringkat Kabinet kita sudah jalankan, mengikut kajian dan persediaan, ia boleh dijalankan pada masa ini," katanya.

Abdullah menjelaskan hasrat kerajaan melakukan perubahan dalam badan kehakiman sudah dinyatakan dalam manifesto sebelum ini, tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tumpuan terpaksa diberikan kepada perkara penting lain.

Katanya, perkara itu ialah soal pertumbuhan ekonomi, sistem penyampaian perkhidmatan awam, penstrukturan semula syarikat berkaitan kerajaan (GLC), perubahan dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan usaha memerangi rasuah.

"Semua ini mengambil masa untuk dilakukan perubahan.... semua sudah mula berjalan, cuma kita sedang tunggu tahap kejayaan daripada usaha sudah kita jalankan," katanya.

Ditanya jika beliau bersedia menemui bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bagi menyelesaikan kemelut dalam politik Umno, Abdullah berkata: "Kita tengok-

lah bila ada sebab-sebabnya."

Mengenai keputusan membenarkan calon yang mahu bertanding bagi jawatan parti pada pemilihan Disember depan berkempen, Abdullah yang juga Presiden Umno berkata ia dibenarkan asalkan ada ketertiban dan mematuhi peraturan yang ditetapkan serta tidak membabitkan politik wang.

"Majlis Tertinggi (MT) Umno sudah buat keputusan, kita tolak terus politik wang dan jangan dijadikan amalan semasa berkempen untuk cari pengaruh dan penyokong. Jangan sekali-kali guna politik wang kerana ia tidak baik untuk parti," katanya.

Ditanya apakah sistem kuota bagi pencalonan untuk jawatan utama akan dimansuhkan, Abdullah berkata, MT pada mesyuarat bagi menetapkan tarikh pemilihan parti baru ini juga sudah memutuskan sistem itu kekal.